



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

NASIHAT PENJAGAAN KESIHATAN MURID-MURID SEKOLAH SEMASA GELOMBANG HABA

23 MAC 2024

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin merujuk kepada status cuaca panas yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam 22 Mac 2024, negeri Perlis telah mengalami Gelombang Haba (iaitu suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C) sejak 19 Mac 2024, manakala sebahagian besar negeri Kedah (Langkawi, Kubang Pasu, Padang Terap, Pokok Sena, Kota Setar, Kuala Muda, Pendang, Sik, Baling) dan sebahagian negeri Perak (Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta) mengalami cuaca panas Tahap 1 (iaitu suhu maksimum harian melebihi 35°C hingga 37°C). Pada masa yang sama, MET Malaysia juga menjangkakan cuaca kering dan panas dengan suhu melebihi 35°C masih berlaku di kebanyakan tempat di Semenanjung dan Sabah sehingga April 2024.

Pendedahan kepada cuaca panas dengan berpanjangan boleh memudaratkan kesihatan terutamanya kepada golongan yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, warga emas, dan mereka yang mempunyai penyakit kronik. Murid-murid sekolah adalah di antara golongan yang berisiko tinggi untuk mendapat kesan masalah kesihatan akibat pendedahan kepada cuaca panas disebabkan faktor fisiologi dan juga faktor kurang pengambilan air.

Sehubungan itu, KKM menasihati ibu bapa agar memastikan anak-anak untuk mengambil air secukupnya . Bagi mereka yang berpuasa di bulan Ramadhan ini, ketika bersahur dan berbuka puasa hendaklah meminum air yang mencukupi. Awasi tahap hidrasi dan kesihatan anak-anak sepanjang berpuasa.

KKM juga menasihatkan agar semua aktiviti di luar bilik darjah di tangguhkan buat sementara waktu di semua lokasi dengan status Cuaca Panas Tahap 1. Sekiranya status cuaca bertukar kepada status Gelombang Haba tindakan selanjutnya boleh diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sebagaimana Pelan Tindakan Bagi Menangani Gelombang Haba 2016, Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Kesihatan Akibat Gelombang Haba 2021 yang dikeluarkan oleh pihak KKM dan Garis Panduan Penutupan Institusi Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas yang dikeluarkan pada 18 April 2023.

Orang awam boleh mendapatkan maklumat terkini status cuaca panas di laman sesawang MetMalaysia (<https://www.met.gov.my/iklim/status-cuaca-panas/>) dan langkah-langkah pencegahan bagi mengurangkan kesan kesihatan akibat cuaca panas di laman sesawang KKM (<http://www.myhealth.gov.my/cuaca-panas-a-kesihatan>).

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
23 MAC 2024